

## Q & A Sistem B4Teen

### **Pengenalan**

#### 1. Apakah Sistem B4Teen?

Sistem B4Teen adalah sistem semakan kedudukan invoice yang dikemukakan oleh pihak pelanggan LADA untuk tujuan pembayaran.

#### 2. Kenapa ia disebut Sistem B4Teen?

Maksud sebenar B4Teen adalah '*Bill Fourteen*' atau bil 14 hari yang berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan 7/2006 (SPP 7/2006) bertarikh 31 Oktober 2006 yang telah meminda Arahan Perbendaharaan 103 (AP 103) bagi mempercepatkan tempoh pembayaran dari 30 hari kepada 14 hari. Tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

#### 3. Siapa yang boleh menggunakan sistem ini?

Sistem ini disediakan kepada semua pelanggan LADA yang telah mengemukakan bil/invoice tuntutan terhadap semua jenis bekalan, perkhidmatan, kerja dan semua perkara yang memerlukan pembayaran dibuat mulai 06 Julai 2014.

#### 4. Adakah pelanggan LADA boleh menelefon untuk mendapatkan info bil berkaitan selain menggunakan sistem ini?

Tidak ada masalah untuk menghubungi kami selain dari sistem ini. Tetapi melalui sistem ini, anda boleh mendapatkan info menyeluruh berkaitan bil anda dan kedudukannya yang sebenar.

#### 5. Adakah khidmat pemakluman pembayaran melalui email akan dihentikan selepas sistem B4Teen dilaksanakan?

Tidak. Pemakluman melalui email akan berjalan seperti sediakala untuk itu pohon kemaskini email terkini.

## **Proses Sistem B4Teen**

6. Apakah perkara utama yang perlu saya titikberatkan?

Sila pastikan semua bil/invoice tuntutan anda di kemukakan terus ke Bahagian Kewangan LADA.

7. Bil dan LO/Inden saya masih belum disahkan penerimaanya, apa yang perlu saya lakukan?

Sebarang pengesahan awal tidak diperlukan. Anda hanya perlu pastikan dokumen sokongan lengkap dan kami akan uruskan pengesahanya dari Bahagian lain.

8. Adakah saya perlu mendaftar untuk menggunakan sistem ini dan berapa caj yang dikenakan?

Tidak perlu mendaftar dan ianya adalah percuma. Ianya secara automatik bagi semua tuntutan yang dikemukakan kepada Bahagian Kewangan

9. Bagaimana untuk saya dapatkan ID pengguna saya dan bagaimana boleh untuk saya capai Sistem ini?

ID pengguna adalah no pendaftaran syarikat anda. Contohnya ASXXX-U, KVXXXX-L. Sebagai langkah permulaan, sistem ini hanya akan beroperasi dibangunan LADA. Anda boleh ke kiosk yang disediakan di ruang legar Kompleks LADA untuk membuat semakan. Bagi yang tidak mendapat ID sila hubungi kami segera.

10. Saya telah melakukan semakan tetapi hanya sebahagian invoice saya disenaraikan pada sistem ini?

Sepertimana dimaklumkan pastikan invoice berkenaan dikemukakan terus ke Bahagian Kewangan dan transaksi berkenaan mestilah pada atau selepas 06 Julai 2014.

11. Apakah tujuan warna serta hari yang ditunjukkan pada senarai bil saya?

Bagi memudahkan anda melakukan semakan, kami telah letakkan warna, bilangan hari serta tarikh akhir pembayaran yang akan dibuat. Berikut adalah ringkasan warna.

Warna	Bilangan hari	Status
Hijau	1-7 hari	Dalam proses
Kuning	8-14 hari	Dalam proses
Merah	15 > hari	Lewat dari 14 hari

12. Saya masih belum menerima bayaran walaupun status yang ditunjukkan adalah 'Paid'?

Jangan khawatir, dapatkan info lanjut samada melalui telefon, email atau khidmat kaunter di Tkt. 2, Kom. LADA.

13. Saya dapati bil saya bertanda – (negatif) dan ianya berwarna merah apakah yang perlu saya lakukan?

Sila hubungi pihak dengan kadar segera untuk tindakan segera bagi mengesan dan mengambil tindakan seterusnya.

### **Kesan**

14. Apakah yang saya akan perolehi dari sistem ini?

Sistem ini memaklumkan kedudukan bil anda secara keseluruhan disamping tempoh pembayaran akhir yang akan dilakukan kepada anda. Jadi ianya akan lebih telus dan seterusnya dapat membantu anda dalam merancang kewangan anda.

Data Transaction Info List										Date: 08/07/2014
#	Invoice No.	Kew Accept Date	Voucher No.	Voucher Date	Cheque No.	Cheque Date	Description	Amount	Status	Expected payment
1	RE 1412	07 July 2014 10:30:12 am	No Data	No Data	No Data	No Data	TUNTUTAN BAYARAN (NO.INDEN : 008646-00)	14,751.90	In Progress	21 July 2014 (14 Days To Go)

15. Mengapakan sistem ini dirasakan perlu pada masa sekarang?

Pihak LADA komited dalam memberi perkhidmatan yang ditambahbaik dari semasa-semasa. Melalui dengan cara ini sistem penyampaian yang lengkap dan berkesan akan meningkatkan lagi taraf Langkawi sebagai Pulau Pelacongan antarabangsa.

Untuk penerangan lanjut sila hubungi pihak kami di talian di atas, sambungan ke 04-9600600, 680, 686, 688, 689.